

Siri Istiadat Bil. I

BUKU PANDUAN

mengenai

**ANUGERAH-ANUGERAH
PERSEKUTUAN**

dan

Peraturan-Peraturan Memakainya

terbitan
Cawangan Istiadat
Jabatan Perdana Menteri
Kuala Lumpur
1979

PENGHARGAAN

Kita ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Brig. Jen. (B) Datuk Abbas bin Abdul Manan kerana sudi menjadi model untuk menunjukkan cara-cara memakai berbagai anugerah Persekutuan, serta pula membenarkan gambar-gambar tersebut digunakan dalam buku ini.

Cetakan Pertama 1979

Cetakan Kedua 1989

DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
DATUK HAJI MUKHTAR SHAMSUDDIN, P.S.D., J.S.D., S.M.S., S.M.T., S.M.P., K.M.N., P.I.S.,
KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, MALAYSIA

1989

11

929.79795715
BUR

Hadiab

787361

24 Apr 1995
Perpustakaan Negara
Malaysia

PERHATIAN

Buku ini merupakan cetakan kedua kepada buku asal yang diterbitkan dalam tahun 1979 oleh Cawangan Istiadat, Jabatan Perdana Menteri. Dalam penerbitan tahun 1989 ini jumlah had keanggotaan Darjah-Darjah Kebesaran telah dikemaskinikan. Maklumat-maklumat lain dalam cetakan tahun 1979 masih dikekalkan.

Bahagian Istiadat,
Jabatan Perdana Menteri.

30 Jun, 1989.

KANDUNGAN

1. Permulaan

(Kata Pengantar oleh
Ketua Setiausaha Negara)

2. Senarai Lengkap Anugerah Persekutuan
Tersusun Mengikut Keutamaan
 3. Darjah Yang Maha Mulia
Kerabat di-Raja Malaysia
 4. Darjah Utama
Seri Mahkota Negara
 5. Darjah-Darjah Yang Mulia
Pangkuan Negara (5 pangkat)
 6. Darjah-Darjah Yang Mulia
Setia Mahkota Malaysia (3 pangkat)
7. Darjah-Darjah Yang Amat Di-hormati
Setia di-Raja (3 pangkat)
8. Darjah-Darjah Gagah Perkasa dan
Pingat-Pingat Perkhidmatan
9. Pakaian-Pakaian Rasmi dan
Cara Memakai Anugerah

PERMULAAN

Anugerah Negara adalah suatu pengakuan atas jasa bakti yang telah diberikan dan khidmat setia yang telah ditunjukkan. Itulah tanda penghargaan dan penghormatan Negara kepada kita. Oleh yang demikian sudah sepatutnya anugerah itu sentiasa disanjung dan diberi penghormatan, terutama dengan cara memakai dan menggunakannya dengan betul dan sempurna apabila menghadiri sesuatu majlis atau istiadat.

Buku kecil ini diharapkan dapat menjadi pertolongan dalam memandu kita ke arah kesempurnaan itu. Selain daripada itu penjelasan-penjelasan yang terkandung di dalamnya diharapkan dapat pula membantu kita memahami taraf kedudukan sesuatu anugerah Persekutuan dan hubungannya di antara satu dengan yang lain.

Pengeluaran buku kecil ini adalah juga titik permulaan bagi suatu usaha Cawangan Istiadat Jabatan Perdana Menteri untuk mengumpul dan merakamkan dalam bentuk buku segala jenis upacara dan istiadat rasmi. Buku-buku ini kelak dapat dijadikan rujukan bagi semua pihak yang terlibat dalam istiadat-istiadat seumpama itu di masa-masa akan datang, dan di samping itu dapat menjadi pengetahuan am dari segi kebudayaan kita yang kaya dengan adat istiadat.

Isi kandungan buku kecil seperti ini bukanlah dimaksudkan untuk menjadi panduan yang muktamad, ataupun menjadi satu sistem yang tidak boleh diganjakkan samasekali. Sebagai suatu panduan ia harus dapat menerima penyesuaian mengikut masa dan keadaan. Untuk terus menjadi panduan yang sempurna ia

SUSUNAN KEUTAMAAN

Pada masa ini susunan keutamaan yang terpakai bagi semua Anugerah Persekutuan adalah seperti berikut: (tarikh dalam kurungan ialah tarikh anugerah itu dizahirkan)

BINTANG KEHORMATAN KEGAGAHAN PERKASA

Seri Pahlawan Gagah Perkasa (29.7.60) S.P.

DARJAH KERABAT DAN DARJAH KEBESARAN DI-RAJA

1. Darjah Yang Maha Utama
Kerabat di-Raja Malaysia (18.4.66) D.K.M.
2. Darjah Utama Seri Mahkota Negara (16.8.58) D.M.N.

DARJAH-DARJAH KEPERWIRAAAN DAN BINTANG-BINTANG KEHORMATAN YANG SETARAF (dikurniakan di bawah lima Kelas)

A. Darjah Keperwiraan Kelas Pertama

1. Seri Maharaja Mangku Negara (Pangkat Pertama dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara) (16.8.58) S.M.N.
2. Seri Setia Mahkota Malaysia (Pangkat Pertama dalam Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia) (15.4.66) S.S.M.

B. Darjah Keperwiraan Kelas Kedua

1. Panglima Mangku Negara (Pangkat Kedua dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara) (16.8.58) P.M.N.
2. Panglima Setia Mahkota (Pangkat Kedua dalam Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia) (15.4.66) P.S.M.

3. Panglima Setia di-Raja (Pangkat Pertama dalam Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja) (3.9.65) P.S.D.

C. Darjah Keperwiraan Kelas Ketiga

1. Johan Mangku Negara (Pangkat Ketiga dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara) (16.8.58) J.M.N.
2. Johan Setia Mahkota (Pangkat Ketiga dalam Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia) (15.4.66) J.S.M.
3. Johan Setia di-Raja (Pangkat Kedua dalam Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja) (3.9.65) J.S.D.

D. Darjah Keperwiraan Kelas Keempat

1. Kesatria Mangku Negara (Pangkat Keempat dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara) (11.4.62) K.M.N.

E. Darjah Keperwiraan Kelas Kelima

1. Ahli Mangku Negara (Pangkat Kelima dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara) (16.8.58) A.M.N.

F. Pingat Bagi Darjah Keperwiraan

1. Pingat Pangkuan Negara (Pingat kepada Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara) (9.8.60) P.P.N.
2. Bentara Setia Diraja (Pangkat Ketiga dalam Darjah Yang Amat Di Hormati Setia di-Raja) (3.9.65) B.S.D.

BINTANG-BINTANG KEHORMATAN KEGAGAHAN

1. Panglima Gagah Berani (29.7.60) P.G.B.
2. Jasa Perkasa Persekutuan (29.7.60) J.P.P.
3. Pingat Tentera Udara (17.7.68) P.T.U.

PINGAT-PINGAT KELAKUAN TERPUJI

1. Pingat Kebaktian (29.7.60) P.K.

PINGAT-PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG

1. Pingat Khidmat Berbakti (29.7.60) P.K.B.
2. Pingat Perkhidmatan Am (8.6.67) P.P.A.

PINGAT-PINGAT PERKHIDMATAN DAN PEPERANGAN

1. Kepujian Perutusan Keberanian (29.7.60) K.P.K.

PINGAT PERKHIDMATAN LAMA

1. Pingat Perkhidmatan Setia (29.7.60) P.P.S.

PINGAT PERINGATAN

1. Pingat Peringatan Malaysia (19.9.65) -

DARJAH-DARJAH KEBESARAN, BINTANG-BINTANG KEHORMATAN DAN PINGAT-PINGAT KOMANWEL DAN NEGARA-NEGARA LUAR

1. Bintang-bintang Kehormatan Negara Asing.

Darjah Yang Maha Utama Kerabat di-Raja Malaysia (D.K.M.)

Darjah ini ialah darjah yang terkanan sekali daripada dua Darjah Kerabat dan Darjah Kebesaran di-Raja Malaysia dan diwartakan pada 30 haribulan Jun tahun 1966. Darjah ini mempunyai satu pangkat sahaja. Keanggotaan di dalamnya berjumlah 10 sahaja dan dipersembahkan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dalam Persekutuan Malaysia yang telah ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Lambang-lambang Kebesaran Darjah ini mengandungi:—

1. **KALUNG DARJAH** yang diperbuat daripada perak bersadur emas. Motif tengahnya berbentuk skrol, Bunga Raya serta Bintang dan Bulan Sabit. Tersusun mulai daripada motif tengahnya ini ialah motif Bunga Raya daripada enamel merah yang tergubah timbul atas tanah putih daripada enamel, diukir timbul atas motif daun fern berbingkai. Motif ini diletakkan berselang-selang dengan motif Mahkota di-Raja Malaysia yang dilingkungi skrol. Motif-motif ini terikat antara satu dan lain dengan rantai. Dari bahagian tengah Kalung ini tersangkut Lencana Darjah.
2. **BINTANG DARJAH** yang berbentuk pancaran-pancaran emas berjangka, dan di atasnya berukir timbul motif daun



6

Lambang kebesaran Darjah Yang Maha Utama Kerabat di-Raja Malaysia (D.K.M.) yang mengandungi Kalung, Bintang, Selempang dan Lencana. Darjah Kebesaran ini hanya untuk dipersembahkan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang ditabalkan menjadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

fern berbingkai yang diperbuat daripada emas putih. Di tengah-tengahnya tergubah sekuntum motif Bunga Raya daripada enamel merah dan bertatahkan ikatan beberapa biji intan. Gubahan ini terletak di atas bulatan daripada enamel putih legap yang berjidarkan bulatan enamel biru. Pada enamel biru bertulis Cogankata Darjah "Allah Jua Yang Berkuasa", dalam huruf Jawi dan Rumi.

3. **LENCANA DARJAH** yang berbentuk pancaran-pancaran emas berjangka. Di atasnya tergubah motif sekuntum Bunga Raya daripada enamel merah dan bertatahkan ikatan beberapa biji intan. Gubahan ini terletak di atas emas putih berisi enamel biru yang tepinya dibuat berkelok-kelok. Lencana ini berpaut pada motif Mahkota di-Raja Malaysia.
4. **SELEPANG DARJAH** yang diperbuat daripada sutera empat inci lebarnya, berwarna merah dan hujungnya berikat reben. Di bawah ikatan reben ini tersangkut Lencana Darjah.



8 Lambang kebesaran Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) yang mengandungi Kalung, Bintang, Selempang dan Lenca. Darjah Kebesaran ini terhad kepada 30 orang sahaja, dan tidak lebih daripada 15 orang di antaranya ialah Anak-anak Raja Luar, Ketua-ketua Negara dan Orang-orang Kenamaan.

Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.)

Darjah Kebesaran di-Raja Malaysia ini telah dizahirkan pada 16 haribulan Ogos dan diwartakan pada 21 haribulan Ogos tahun 1958. Darjah ini mempunyai satu pangkat sahaja. Keanggotaan di dalamnya terhad kepada 30 orang, dan tidak lebih 15 orang daripada mereka ialah Anak-anak Raja Luar, Ketua-ketua Negara dan Orang-orang Kenamaan.

Lambang-lambang Kebesaran Darjah ini mengandungi:

1. **KALUNG DARJAH** dengan motif tengahnya berbentuk dua bilah keris bersarong yang bersilang dan menjulang Bintang dan Bulan Sabit serta berhiaskan skrol. Motif-motif lain ialah sebelas biji bintang pecah sebelas, tiap-tiap satu bertanahkan bulatan daripada enamel kuning dan berlapikkan motif daun fern berbingkai. Kesemuanya ini terikat antara satu dengan lain dengan skrol dan rantai. Pada motif tengah Kalung ini tersangkut Lencana Darjah.
2. **BINTANG DARJAH** diperbuat daripada emas dan berbentuk bintang pecah sembilan, dan tiap-tiap pecahannya berukir dengan ukiran belahan intan. Berlapis di atasnya motif daun fern berbingkai. Di tengah-tengah motif ini timbul bulatan enamel berwarna kuning dan di atasnya terukir secara timbul Mahkota di-Raja Malaysia dan Bulan



Gambar Epolet (hiasan bahu) untuk pakaian seragam Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.). Epolet ini juga digunakan untuk pakaian seragam Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) dan Seri Setia Mahkota (S.S.M.).

Sabit. Pada sebelah atas ukiran Mahkota bertulis kalimah "Allah" dalam huruf Jawi dan di antara ukiran Mahkota dan Bulan Sabit tertulis Cogankata Darjah, "Berpegang Teguh Pada Allah", dalam huruf Jawi dan Rumi.

3. **LENCANA DARJAH** diperbuat daripada emas berbentuk bintang pecah lima, dengan tiap-tiap pecahannya berukir dengan motif daun dan berbingkai. Berlapis di atasnya pula berukir motif daun fern berbingkai. Di tengah-tengah motif ini timbul bulatan enamel berwarna kuning dan di atasnya berukir secara timbul Mahkota di-Raja Malaysia dan Bulan Sabit. Pada sebelah atas ukiran Mahkota bertulis kalimah "Allah" dalam huruf Jawi dan di antara ukiran Mahkota dan Bulan Sabit bertulis pula Cogankata Darjah, "Berpegang Teguh Pada Allah", dalam huruf Jawi dan Rumi.
4. **SELEPANG DARJAH** diperbuat daripada kain sutera kuning empat inci lebarnya. Di tengah-tengah tanah kuning terdapat jalur merah. Pada kedua belah tepinya terdapat jalur kecil putih di antara dua jalur kecil berwarna biru. Selepang ini mempunyai ikatan reben di hujungnya dan pada bawah ikatan ini tergantung Lencana Darjah.



Lambang kebesaran pangkat pertama Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara – Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) – yang mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Darjah Kebesaran ini membawa gelaran “Tun” dan isteri penyandang bergelar “Toh Puan”. Keanggotaan Darjah ini terhad kepada 25 orang sahaja, tidak termasuk jumlah orang yang bukan warganegara Malaysia yang menerima kurniaan ini sebagai anugerah kehormat.

Darjah-Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara

Darjah Keperwiraan Yang Mulia Pangkuan Negara ini mempunyai lima pangkat, dan dikurniakan untuk mengenang jasa kebaktian dan menghargai sesuatu perkhidmatan cemerlang kepada Negara. Ia dizahirkan pada 16 haribulan Ogos dan diwartakan pada 21 haribulan Ogos tahun 1958. Di samping itu Anugerah ini mempunyai juga sebuah Pingat yang dizahirkan pada 19 haribulan Ogos dan diwartakan pada 25 haribulan Ogos 1960.

Pangkat Pertama: Pangkat pertama Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang telah berbuat jasa yang cemerlang kepada Negara selama beberapa waktu, dengan penuh tanggungjawab. Mereka ini ialah daripada orang-orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi serta berpengaruh. Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 25 orang sahaja, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang dikurniakan secara kehormat (honorary). Pengurniaan pangkat pertama Darjah ini membawa gelaran "Tun", manakala isteri penerima bergelar "Toh Puan".

Lambang-lambang kebesaran pangkat pertama Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini mengandungi:

1. **KALUNG DARJAH** mengandungi medal-medal yang menggambarkan Jata Negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu yang terikat berselang-selang dengan motif utama Kalung itu yang berbentuk Bintang dan Bulan Sabit dikelilingi skrol. Pada motif utamanya yang di tengah-tengah tersangkut Lencana Darjah.
2. **BINTANG DARJAH** berbentuk bintang pecah sembilan yang diperbuat daripada perak bersadur emas. Besarnya ialah $3\frac{1}{2}$ inci pada garis pusatnya. Tiap-tiap pecahan Bintang diukir dengan ukiran belahan intan. Di tengah-tengahnya terletak sebuah bulatan daripada enamel berwarna putih legap yang ditatah dengan ukiran Mahkota di-Raja Malaysia. Pada sebelah atas Mahkota bertulis Cogankata Darjah, iaitu: "Dipeliharakan Allah" dalam huruf Jawi dan Rumi. Di sebelah bawahnya bertulis "Pangkuan Negara" yang juga dalam huruf Jawi dan Rumi.
3. **LENCANA DARJAH** berbentuk bintang pecah sebelas diperbuat daripada perak bersadurkan emas. Tiap-tiap pecahan Bintang daripada enamel berwarna putih legap. Di antara dua pecahan Bintang pula terletak motif Bintang dan Bulan Sabit yang diperbuat daripada perak bersadurkan emas. Di tengah-tengah bintang Lencana terletak satu bulatan daripada enamel berwarna putih legap bertatahkan ukiran timbul Mahkota di-Raja Malaysia. Pada sebelah atas Mahkota ini bertulis Cogankata Darjah, iaitu "Dipeliharakan Allah" dalam huruf Jawi dan Rumi, dan di sebelah bawahnya bertulis "Pangkuan Negara" yang juga dalam huruf Jawi dan Rumi.
4. **SELEPANG DARJAH** diperbuat daripada kain sutera lebar 4 inci berlatarkan warna biru. Pada kedua belah tepi Selepang terdapat jalur kuning seperlapan inci lebarnya.



Epolet (hiasan bahu) dan Georget (hiasan leher) untuk pakaian seragam Darjah Panglima Mangku Negara (P.M.N.) dan Panglima Setia Mahkota (P.S.M.).

Di tengah-tengahnya pula ada jalur putih selebar tiga-perlapan inci dan bertindan di atasnya satu jalur merah seperlapan inci lebarnya. Hujung Selepang mempunyai ikatan reben dan di bawah ikatan ini tersangkut Lencana Darjah.

Pangkat

Kedua:

**Panglima
Mangku Negara
(P.M.N.)**

Pangkat kedua Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya serta terkenal kerana perkhidmatan cemerlang mereka kepada Negara dalam apa jua lapangan. Pengaruh mereka yang luas telah mereka pergunakan untuk kepentingan Negara dengan tegas. Mereka ini termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai tentera dan polis, dan juga orang awam. Keanggotaan dalam pangkat kedua Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini terhad kepada 75 orang, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh juga dikurniakan secara kehormat (honorary). Penerima Anugerah ini memakai gelaran "Tan Sri" pada pangkal namanya, manakala isterinya bergelar "Puan Sri".

Lambang-lambang kebesaran pangkat kedua Darjah ini mengandungi:

1. **BINTANG DARJAH** daripada perak bersadurkan emas, besarnya tiga seperlapan inci mengikut ukuran pada garis pusatnya. Bintang ini mempunyai enam pecahan besar dan enam pecahan kecil, dan keseluruhan pecahan ini berukir dengan ukiran belahan intan. Di tengah-tengah Bintang terdapat sebuah bulatan daripada enamel berwarna putih legap, bertatah dengan ukiran timbul Mahkota di-Raja Malaysia. Pada sebelah atas ukiran Mahkota bertulis Co-



Lambang kebesaran pangkat kedua Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara — **Panglima Mangku Negara (P.M.N.)** — mengandungi Bintang, Selepang dan Lencana. Darjah Kebesaran ini membawa gelaran "Tan Sri" dan isteri penyandang bergelar "Puan Sri". Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 75 orang sahaja, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang menerima anugerah ini secara kehormat.


gankata Darjah, "Dipeliharakan Allah" dalam tulisan Jawi dan Rumi. Di bawah ukiran Mahkota pula bertulis "Pangkuan Negara" dalam Jawi dan Rumi.

2. **LENCANA DARJAH** ini serupa bentuknya dengan Lencana Darjah untuk pangkat pertama tetapi kecil sedikit ukurannya, iaitu $2\frac{1}{4}$ inci pada ukuran garis pusatnya.
3. **SELEPANG DARJAH** ini berupa seakan-akan Selempang untuk pangkat pertama, tetapi berbeza tentang kedudukan warna jalurnya. Ukurannya $3\frac{1}{4}$ inci. Warna jalur di kedua belah tepi Selempang ialah putih, tidak kuning, manakala jalur merah di tengah bertindan atas jalur kuning, bukan jalur putih seperti dalam Selempang untuk pangkat pertama. Selempang ini juga mempunyai ikatan reben di hujungnya dan di bawah ikatan ini tersangkut Lencana Darjah.

*Pangkat
Ketiga:*

**Johan
Mangku Negara
(J.M.N.)**

Keanggotaan dalam pangkat ketiga Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini terhad kepada 600 orang, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara Kehormat. Dalam masa peperangan atau dalam kempen ketenteraan yang meluas, had 600 bagi pangkat ketiga ini boleh ditambah dengan limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pengurniaan pangkat ketiga Darjah ini ialah kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya dan telah membuat jasa cemerlang kepada Negara, sungguhpun tidak sebesar yang membolehkan mereka dipertimbangkan untuk pangkat kedua, tetapi yang dianggap istimewa dalam beberapa tahun yang lampau. Mereka ini termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai tentera dan polis dan juga orang-orang awam. Lambang anugerah ini mengandungi: —



Yang di sebelah kiri ialah Lambang kebesaran **Johan Mangku Negara (J.M.N.)**, iaitu pangkat ketiga Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara, untuk orang laki-laki. Yang di sebelah kanan pula ialah anugerah yang sama untuk perempuan. Jumlah penyandang bagi pangkat ini terhad kepada 600 orang, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang dikurniakan anugerah kehormat. Jumlah ini boleh ditambah dengan limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dalam keadaan yang tertentu. Anugerah untuk laki-laki dipakai di leher, manakala anugerah perempuan dipakai di atas dada sebelah kiri.

LENCANA DARJAH yang serupa bentuk dan buaatannya dengan Lencana untuk pangkat pertama dan kedua Darjah ini. Ukurannya 2¼ inci. Lencana Darjah ini tersangkut pada pita satu tiga-suku inci lebarnya dan memadai panjangnya untuk dikalungkan ke leher. Warna pita sama seperti warna Selempang pangkat pertama, tetapi ukuran lebar jalur-jalurnya kecil sedikit. Lencana Darjah untuk wanita mempunyai pita yang berikat reben, dan Lencana Darjah itu tersangkut di bawah ikatan reben untuk dipakai di dada.


*Pangkat
Keempat:*

**Kesatria
Mangku Negara
(K.M.N.)**

Pangkat keempat Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang telah banyak membuat jasa yang tinggi lagi cemerlang. Mereka ini termasuklah pegawai-pegawai tentera dan polis dan juga orang-orang awam. Anugerah ini boleh juga dikurniakan kepada bukan warganegara Malaysia secara anugerah kehormat. Jumlah penyandang pangkat keempat ini tidak terhad.

Lambang anugerah ini mengandungi: —

LENCANA DARJAH yang serupa bentuk dan buaatannya dengan Lencana Darjah pangkat ketiga, tetapi ukurannya 2 inci pada garis pusatnya. Lencana Darjah ini untuk disemat di dada dan tersangkut pada pita yang sama warnanya dengan pita pangkat ketiga tetapi lebarnya hanya satu inci setengah. Di atas pita ini tersemat keris emas yang menegak dan matanya ke bawah serta dilingkungi bulatan. Untuk wanita pitanya mempunyai ikatan reben dan Lencana Darjah disangkutkan di bawah ikatan reben ini. Perhiasan keris dalam bulatan disematkan atas ikatan reben.



Lambang kebesaran pangkat keempat Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara — **Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)**. Yang di sebelah kiri ialah untuk laki-laki dan yang di sebelah kanan untuk pakaian perempuan. Jumlah penyandang bagi pangkat ini tidak terhad. Anugerah ini disematkan di atas dada sebelah kiri.

*Pangkat
Kelima:*

**Ahli
Mangku Negara
(A.M.N.)**

Pangkat kelima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara dikurniakan sebagai menghargai jasa cemerlang di antara mereka yang kurang sedikit taraf kedudukannya daripada mereka yang layak menerima pangkat keempat Darjah ini. Bukan warganegara Malaysia boleh juga dipertimbangkan untuk menerima anugerah ini secara kehormat. Orang-orang yang dipertimbangkan untuk anugerah ini ialah mereka yang telah membuat jasa yang lebih daripada sepatutnya. Jumlah penyangand pangkat kelima ini tidak terhad.

Lambang anugerah ini mengandungi: —

LENCANA DARJAH yang serupa bentuk dan buaatannya dengan Lencana Darjah pangkat keempat tetapi ukurannya 1¾ inci pada garis pusat. Lencana Darjah ini juga untuk disematkan di dada dan tersangkut pada pita yang sama warnanya dengan pita pangkat keempat dan lebarnya pun satu inci setengah. Untuk wanita pitanya mempunyai ikatan reben dan Lencana Darjah disangkutkan di bawah ikatan ini.

*Pingat bagi
Darjah Yang Mulia
Pangkuan Negara:*

**Pingat
Pangkuan Negara
(P.P.N.)**

Pinat Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan taat dan cemerlang selama beberapa tahun. Mereka ini termasuklah juga Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai tentera dan polis serta mereka yang telah berkhidmat sukarela untuk kepentingan Negara. Jumlah penyangandnya tidak terhad.




Lambang kebesaran pangkat kelima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara — Ahli Mangku Negara (A.M.N.). Yang di sebelah kanan ialah untuk laki-laki dan di sebelah kiri untuk perempuan. Jumlahnya tidak terhad. Anugerah ini dipakai atas dada sebelah kiri.



Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.) ini ialah pingat bagi Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. Jumlah penyandanginya tidak terhad. Gambar ini menunjukkan kedua-dua permukaan Pingat itu, iaitu di hadapan dan di belakang.

Lambang anugerah ini mengandungi:—

PINGAT bulat yang diperbuat daripada perak. Atas permukaannya di sebelah hadapan tertera Mahkota di-Raja Malaysia. Cogankata Darjah, "Dipeliharakan Allah" bertulis di sebelah atas ukiran Mahkota dengan menggunakan huruf Jawi dan Rumi. Di sebelah bawah ukiran Mahkota pula bertulis "Pangkuan Negara" yang juga dalam Jawi dan Rumi. Atas permukaannya di sebelah belakang ialah Jata Persekutuan dengan kata-kata "Jasa Cemerlang" diterap dalam huruf Jawi dan Rumi. Pingat ini tersangkut pada pita yang sama warnanya dengan pita Lencana untuk Darjah ini. Lebar pita untuk Pingat ini ialah satu inci setengah.



Lambang kebesaran pangkat pertama Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia — Seri Setia Mahkota (S.S.M.) — yang mengandungi Kalung, Bintang, Selepang dan Lencana. Anugerah ini membawa gelaran "Tun" dan isteri penyandang bergelar "Toh Puan". Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 25 orang sahaja, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang dikurniakan anugerah kehormat.

Darjah-Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia

Darjah ini mempunyai tiga pangkat dan telah dizahirkan pada 15 haribulan April dan diwartakan pada 30 haribulan Jun, 1966.

Pangkat Pertama: Pangkat pertama Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia ini dikurniakan kepada 25 orang sahaja, yang difikirkan telah banyak membuat jasa cemerlang kepada Negara dengan penuh tanggungjawab, mempunyai pengaruh yang luas serta taraf kedudukan yang tinggi. Jumlah ini tidak termasuk jumlah anugerah kehormat yang dikurniakan kepada bukan warganegara Malaysia. Pengurniaan ini membawa gelaran "Tun" dan isterinya bergelar "Toh Puan".

Lambang kebesaran Darjah mengandungi:

1. **KALUNG DARJAH** diperbuat daripada perak. Motif bahagian tengahnya berbentuk pola-pola skrol serta Bintang dan Bulan Sabit. Lain-lain motif ialah Keris Bersilang dan berjidarkan skrol, yang diletak berselang-selang dengan motif Mahkota di-Raja Malaysia yang dilingkungi skrol. Kesemua ini terikat antara satu sama lain dengan rantai perak. Lencana Darjah tersangkut pada bahagian tengah Kalung Darjah.



Lambang kebesaran pangkat kedua Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia — Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) — yang mengandungi Bintang, Selepang dan Lencana. Anugerah ini membawa gelaran "Tan Sri" dan isteri penyandang bergelar "Puan Sri". Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 200 orang sahaja, tidak termasuk anugerah kehormat yang dikurniakan kepada bukan warganegara Malaysia.

2. **BINTANG DARJAH** berupa bintang pecah empat belas berukuran $3\frac{1}{2}$ inci pada garis pusatnya dan diperbuat daripada perak. Tujuh daripada pecahan Bintang itu lebih besar dan berukir dengan ukiran belahan intan. Pecahan yang tujuh lagi kecil sedikit dan diukir bersusun. Di tengah-tengah Bintang terdapat ukiran timbul Mahkota di-Raja Malaysia di atas bulatan berwarna merah tua daripada enamel, dilingkungi jidar bulat berwarna putih legap daripada enamel juga, kemudian dilingkungi pula oleh jidar berwarna biru daripada enamel dan berkelok-kelok tepinya. Pada enamel putih bertulis dalam huruf Jawi Cogankata Darjah, "Berserah Kepada Allah, Bersetia Kepada Raja".
3. **LENCANA DARJAH** sama rekabentuk dan buatannya dengan Bintang, tetapi berukuran 3 inci pada garis pusatnya.
4. **SELEPANG DARJAH** empat inci lebarnya, berlatarkan warna biru gelap. Pada kedua belah tepinya terdapat jalur-jalur merah selebar tiga perlepasan inci. Hujung Selempang mempunyai ikatan reben, dan Lencana Darjah tergantung di bawah ikatan reben ini.

*Pangkat
Kedua:*

**Panglima
Setia Mahkota
(P.S.M.)**

Pangkat kedua Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia ini dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat cemerlangnya kepada Negara. Mereka ini termasuklah pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, tentera, dan polis serta orang-orang awam. Jumlah penyandang bagi pangkat ini dihadkan seramai 200 orang, tidak termasuk anugerah kehormat yang di-



Lambang kebesaran pangkat ketiga Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia — **Johan Setia Mahkota (J.S.M.)** — yang mengandungi sebuah Lencana yang tersangkut pada pita Darjah dan dipakai di leher. Jumlah anugerah ini terhadap kepada 600 orang, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang dikurniakan anugerah kehormat.

kurniakan kepada bukan warganegara Malaysia. Penyandanginya menerima gelaran "Tan Sri", manakala isterinya bergelar "Puan Sri".

Lambang kebesaran pangkat kedua Darjah ini mengandungi:—

1. **BINTANG DARJAH** serupa rekabentuk dan buaatannya dengan Bintang Darjah pangkat pertama, tetapi berukuran $2\frac{1}{2}$ inci pada garis pusatnya.
2. **LENCANA DARJAH** serupa rekabentuk dan buaatannya dengan Lencana Darjah pangkat pertama, tetapi berukuran $2\frac{1}{4}$ inci pada garis pusatnya.
3. **SELEPANG DARJAH** berukuran lebar $3\frac{1}{2}$ inci berlatarkan warna biru gelap. Pada kedua belah tepinya terdapat jalur-jalur merah yang lebarnya tiga-perenam belas inci. Pada bahagian tengahnya ada jalur merah tiga-perlapan inci lebarnya, diapit oleh dua jalur merah lain, tiap-tiap satu lebarnya tiga-perenam belas inci.

*Pangkat
Ketiga:*

**Johan
Setia Mahkota
(J.S.M.)**

Pangkat ketiga Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya serta telah membuat jasa yang cemerlang tetapi tidaklah begitu terkemuka untuk membolehkannya mendapat kurniaan pangkat kedua Darjah ini. Mereka ini termasuklah pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, tentera dan polis serta orang awam. Jumlah anugerah ini terhad kepada 600 orang, tidak termasuk anugerah kehormat kepada mereka yang bukan warganegara Malaysia.

Lambang kebesaran pangkat ketiga ini mengandungi:—

LENCANA DARJAH yang mempunyai rekabentuk dan

buatan yang sama dengan Lencana pangkat-pangkat lain tetapi berukuran $2\frac{1}{4}$ inci pada garis pusatnya. Lencana Darjah ini tersangkut pada pita $1\frac{3}{4}$ inci lebar, berlatarkan warna biru gelap. Pada kedua belah tepinya terdapat jalur merah tiga-perenam belas inci lebarnya.

Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja

Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja ini mempunyai tiga pangkat. Ia dizahirkan pada 3 haribulan September dan diwartakan pada 16 haribulan yang sama tahun 1965. Sungguhpun ia daripada jenis Darjah Keperwiraan Persekutuan Malaysia, Darjah ini lebih merupakan anugerah di-Raja, dan dikurniakan kepada mereka yang telah mempersembahkan khidmat cemerlang dan taat setia Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

<i>Pangkat Pertama:</i>	Pangkat pertama Darjah ini dikurniakan kepada 70 orang sahaja, tidak termasuk jumlah bukan warganegara Malaysia yang dikurniakan anugerah kehormat Darjah ini. Penyanggah pangkat pertama Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja ini menerima gelaran "Datuk" manakala isterinya bergelar "Datin".
-------------------------	---

Panglima Setia Di Raja (P.S.D.)

Lambang kebesaran anugerah di-Raja ini mengandungi:—

1. **BINTANG DARJAH** perak pecah enam, tiap-tiap pecahannya diukir dengan jalur-jalur pancaran. Berlapis di



Lambang kebesaran Pangkat Pertama Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja — Panglima Setia di-Raja (P.S.D.) — yang mengandungi Bintang, Selempang dan Lencana. Anugerah ini membawa gelaran "Datuk" dan isteri penyandang bergelar "Datin". Keanggotaan dalam pangkat pertama Darjah ini terhad kepada 70 orang sahaja, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan dengan anugerah kehormat Darjah ini.

atasnya sebuah lagi bintang pecah enam daripada enamel warna merah pulasan. Di antara dua lapisan bintang ini ialah ukiran daun fern berbingkai. Pada tengah-tengah Bintang terdapat bulatan enamel berwarna kuning yang di atasnya lambang peribadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diukir timbul. Bulatan kuning ini pula dilingkungi jidar putih yang bertulis atasnya Cogankata Darjah, "Setia dan Bakti" dalam huruf Jawi dan Rumi.

2. **LENCANA DARJAH** berbentuk bintang pecah enam daripada enamel warna merah pulasan, berlapikkan ukiran daun fern yang berbingkai. Pada tengah-tengah Bintang tersebut terdapat bulatan enamel kuning yang di atasnya lambang peribadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diukir timbul. Bulatan enamel kuning ini dilingkungi pula oleh bulatan putih yang di atasnya bertulis Cogankata Darjah: "Setia dan Bakti" dalam huruf Jawi dan Rumi.
3. **SELEPANG DARJAH** diperbuat daripada kain sutera kuning lebar $3\frac{1}{2}$ inci. Pada kedua belah tepinya ada jalur-jalur hijau tiga-perenam belas inci lebar. Di tengahnya pula ada jalur merah $14/16$ inci lebar dan di atas jalur ini bertindan jalur putih $4/16$ inci lebar. Hujung Selepang mempunyai ikatan reben dan di bawah ikatan ini tergantung Lencana Darjah.

Pangkat

Kedua:

**Johan
Setia Di Raja
(J.S.D.)**

Jumlah anugerah bagi pangkat kedua Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja ini tidak terhad. Ia dikurniakan kepada orang-orang yang telah mempersembahkan jasa khidmat cemerlang serta taat setia Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan



Lambang kebesaran pangkat kedua dan ketiga Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja. Pangkat kedua – Johan Setia di-Raja (J.S.D.) – dilambangkan oleh sebuah Lencana yang tersangkut pada pita kebesaran Darjah untuk dipakai di leher. Pangkat ketiga – Bentara Setia di-Raja (B.S.D.) – dilambangkan oleh sebuah pingat yang tersangkut pada pita Darjah dan dipakai di dada sebelah kiri.

Agong dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Mereka ini termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan, Tentera dan Polis serta juga orang-orang awam. Bukan warganegara Malaysia boleh dikurniakan anugerah kehormat Darjah ini.


Lambang kebesaran pangkat kedua Darjah ini mengandungi: —

LENCANA DARJAH yang serupa rekabentuk dan buaatannya dengan Lencana pangkat pertama. Ia tersangkut pada pita kuning $1\frac{3}{4}$ inci lebar yang mempunyai jalur-jalur hijau seperlapan inci di kedua belah tepinya. Di tengah-tengah pita pula terdapat jalur merah lima-perlapan inci lebar, dan di atasnya bertindan jalur putih tiga-perenam belas inci lebar. Lencana ini dipakai di leher.

<i>Pangkat Ketiga:</i>	Jumlah anugerah bagi pangkat ketiga Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja ini juga tidak terhad. Ia dikurniakan kepada mereka yang telah mempersembahkan jasa khidmat cemerlang dan taat setia Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi tidak setinggi yang membolehkan mereka dipertimbangkan untuk pangkat kedua. Bukan warganegara Malaysia juga boleh dikurniakan secara anugerah kehormat.
Bentara Setia di-Raja (B.S.D.)	

Lambangnyanya mengandungi: —

PINGAT perak yang bulat berukuran satu tiga-perlapan inci pada garis pusatnya. Pada permukaan sebelah hadapan terdapat lambang peribadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka



Epolet (hiasan bahu) untuk pakaian seragam Darjah Panglima Setia di-Raja (P.S.D.).

Baginda Yang di-Pertuan Agong dilingkungi Cogankata Darjah: "Setia dan Bakti" dalam huruf Jawi dan Rumi. Pencengkam di atas Pingat itu berbentuk dua bilah keris bersilang. Permukaan sebelah belakangnya licin. Pingat ini tersangkut pada pita Darjah 3/8 inci lebar.



Bintang Kehormatan Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.) ini ialah yang tertinggi sekali dan yang paling kanan dalam senarai keutamaan Anugerah Persekutuan. Anugerah ini dikurniakan kepada sesiapa jua yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau telah melakukan sesuatu dengan gagah berani dan penuh pengorbanan.


Darjah-Darjah Gagah Perkasa dan Pingat-Pingat Perkhidmatan

Darjah-darjah Gagah Perkasa dan Pingat-pingat Perkhidmatan Persekutuan Malaysia telah dizahirkan dengan tujuan hendak mengadakan tanda-tanda penghargaan Negara serta mengiktiraf kegagahan dan keberanian dalam perkhidmatan untuk Negara, dan juga untuk menghargai khidmat-khidmat lama yang cemerlang.

**Seri Pahlawan
Gagah Perkasa
(S.P.)**

Penghormatan ini ialah yang tertinggi sekali dan paling kanan dalam senarai keutamaan anugerah Persekutuan. Ia dizahirkan pada 29 haribulan Julai dan diwartakan pada 11 haribulan Ogos tahun 1960. Anugerah ini dikurniakan kepada sesiapa jua yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau telah melakukan sesuatu dengan gagah berani dan penuh pengorbanan. Anugerah ini boleh dikurniakan selepas seseorang mati.

Bintang Kehormatan ini berbentuk Bulan Sabit yang diterap di atasnya kata-kata "Gagah Perkasa". Di dalam lingkungan Bulan Sabit terdapat Bintang pecah empat belas. Pencengkamnya berukir. Lambang ini pada keseluruhannya diperbuat daripada perak dan tersangkut pada pita 1 ½ inci lebar berwarna kuning di-Raja bertepikan jalur-jalur merah seperlapan inci lebarnya.



Yang di sebelah kanan ialah **Panglima Gagah Berani (P.G.B.)** yang dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat dalam Angkatan Tentera dan telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa sewaktu menghadap musuh. Yang di sebelah kiri ialah **Jasa Perkasa Persekutuan (J.P.P.)** yang dikurniakan kepada sesiapa jua yang telah menunjukkan gagah berani yang luar biasa, dan juga kepada anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Persekutuan kerana kegagahan dan keberanian di luar medan perang.

Apabila seseorang yang pernah dikurniakan Bintang Kehormatan ini menunjukkan lagi jasa dan keberanian yang membolehkan ia diberi anugerah ini lagi, kurniaan kedua ini dilambangkan oleh Palang yang disematkan atas pita Bintang Kehormatan itu. Seseorang boleh menerima seberapa banyak palang. Apabila pita sahaja dipakai tiap-tiap kurniaan ini dilambangkan oleh satu anak (miniature) Bintang Kehormatan itu yang disematkan atas pita.

**Panglima
Gagah Berani
(P.G.B.)**

Darjah Gagah Perkasa ini dizahirkan pada 29 haribulan Julai dan diwartakan pada 11 haribulan Ogos tahun 1960. Kehormatan ini diberi kepada mereka yang berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata dan telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa sewaktu menghadap musuh. Anugerah ini boleh dikurniakan selepas seseorang mati

Lambang Kehormatan ini berbentuk bintang pecah lima yang diperbuat daripada perak. Di atasnya terterap dua bilah keris bersilang yang menjulang Mahkota di-Raja Malaysia. Anugerah ini bergantung pada pita 1 ½ inci lebar yang diperbuat berjalur-jalur mencuram ke bawah empat puluh lima darjah arah ke kanan pemakainya. Tiap-tiap jalur lebarnya seperlapan inci dan mengikut susunan warna merah, putih, biru dan kuning.

Apabila seseorang yang pernah dikurniakan Bintang Kehormatan ini menunjukkan lagi kegagahan dan keberanian yang membolehkan ia dikurniakan lagi anugerah ini, kurniaan yang kedua ini dilambangkan oleh Palang yang disematkan atas pita Bintang Kehormatan itu. Seseorang boleh menerima seberapa banyak palang. Apabila pita sahaja dipakai tiap-tiap kurniaan ini dilambangkan oleh satu anak (miniature) Bintang Kehormatan itu yang disematkan atas pita.



Bintang Kehormatan ini ialah **Pingat Tentera Udara (P.T.U.)** yang dikurniakan kerana keberwiraan atau taat setia yang teristimewa dalam menjalankan kewajipan, yang ditunjukkan oleh anggota Angkatan Tentera Persekutuan semasa menjalankan kewajipan penerbangan dalam masa operasi atau tidak dalam Tentera Udara di-Raja Malaysia.

**Jasa Perkasa
Persekutuan
(J.P.P.)**

Bintang Kehormatan Jasa Perkasa Persekutuan ini telah dizahirkan pada 29 hari-bulan Julai dan diwartakan pada 11 hari-bulan Ogos tahun 1960. Ia dikurniakan

kepada sesiapa sahaja yang telah menunjukkan gagah berani yang luar biasa, dan juga kepada anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Persekutuan kerana kegagahan dan keberanian di luar medan perang. Anugerah ini boleh dikurniakan selepas mati.

Lambangnyanya berbentuk bintang pecah lima yang diperbuat daripada perak. Di atasnya tertera timbul dua pelepas palas bersilang menjunam dan Mahkota di-Raja Malaysia. Bintang ini bergantung pada pita 1½ inci lebar yang diperbuat berjalur-jalur menyerong empat puluh lima darjah ke bawah hala ke kiri pemakai. Jalur-jalurnya berwarna mengikut susunan warna merah, putih, biru dan kuning, tiap-tiap satu lebarnya seperlapan inci.

Apabila seseorang yang pernah dikurniakan Bintang Kehormatan ini menunjukkan lagi kegagahan dan keberanian yang membolehkan ia dikurniakan lagi anugerah ini, kurniaan yang kedua ini dilambangkan oleh Palang yang disematkan atas pita Bintang itu. Seseorang boleh dikurniakan seberapa banyak palang. Apabila pita sahaja dipakai tiap-tiap kurniaan ini dilambangkan oleh satu anak (miniature) Bintang Kehormatan ini yang disematkan atas pita.

**Pingat
Tentera Udara
(P.T.U.)**

Bintang Kehormatan yang diberi nama Pingat Tentera Udara ini telah dizahirkan pada 17 hari-bulan Julai dan diwartakan pada 29 hari-bulan Ogos tahun 1968. Ia dikurniakan kerana keberwiraan, keberanian atau taat setia yang teristimewa dalam menjalankan kewajipan yang ditunjukkan oleh

anggota Angkatan Tentera Persekutuan semasa menjalankan kewajipan penerbangan dalam masa operasi atau tidak dalam Tentera Udara di-Raja Malaysia. Orang-orang yang layak dikurniakan dengan penghormatan ini ditentukan mengikut Peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Anugerah ini boleh juga dikurniakan kepada orang yang sudah meninggal dunia.

Lambang Bintang Kehormatan ini ialah sebuah Pingat yang diperbuat daripada gangsa-fosfor berbentuk bujur telur yang paksi memanjangnya menegak. Pada permukaannya tertera secara timbul keris yang bersilang dengan sarungnya serta menjunjung Bintang dan Bulan Sabit. Kanan kirinya bertulis kata-kata "Tentera Udara di-Raja Malaysia". Tangkai pencengkamnya berbentuk bulir-bulir padi yang melampai keluar dari daunnya dengan menyerong 45 darjah. Di tengah-tengah antara dua bulir padi itu ialah sekuntum Bunga Raya yang kembang. Pada permukaan belakang Pingat itu tertera gambar seekor Burung Babil yang bertenggek dengan sayap terbuka atas skrol yang bertulis dengan perkataan "Kesatria". Pingat ini tergantung pada pita satu inci suku lebarnya berjalur biru dan kuning berselang-selang, tiap-tiap jalur lebarnya seperlapan inci, menyerong 45 darjah ke bawah arah ke kiri pemakainya.

Apabila seseorang yang pernah dikurniakan Bintang Kehormatan ini menunjukkan lagi keberwiraan, keberanian dan taat setia yang teristimewa hingga membolehkan ia dikurniakan lagi anugerah ini, kurniaan yang kedua ini dilambangkan oleh Palang yang disematkan atas pita Bintang Kehormatan itu. Seseorang boleh dikurniakan seberapa banyak palang. Apabila pita sahaja dipakai, tiap-tiap kurniaan ini dilambangkan oleh satu anak (miniature) Bintang Kehormatan yang disematkan atas pita.

**Pingat
Kebaktian
(P.K.)**

Untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji anggota-anggota Pasukan Tentera Sukarela dan Perkhidmatan-perkhidmatan Beruniform.

Pingat Kebaktian telah dizahirkan pada 29 haribulan dan diwartakan pada 11 haribulan Ogos tahun 1960. Kelayakan untuk mendapatkan kurniaan ini ditetapkan dalam Peraturan-peraturan baginya yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Lambangnyanya mengandungi sebuah Pingat perak berbentuk bulat ukuran satu tiga-perlapan inci pada garis pusatnya. Pada permukaannya tertera dua pelepah daun palas yang melengkong ke dalam melingkungi huruf-huruf "P.K.". Pada bahagian bawah daun palas itu bertulis dengan huruf-huruf timbul kata-kata "Pingat Kebaktian". Di permukaan sebelah belakang Pingat itu tertera pula Jata Persekutuan. Pingat ini tersangkut pada pita yang lebarnya satu tiga-perlapan inci, yang terdiri dari dua jalur kuning tiap-tiap satu lebarnya seperenam belas inci, dua jalur putih tiap-tiap satu lebarnya tiga-pertiga puluh dua inci, dan satu jalur merah yang lebarnya lima-perenam belas inci.

**Pingat
Khidmat Berbakti
(P.K.B.)**

Pingat Khidmat Berbakti dizahirkan pada 29 haribulan Julai dan diwartakan pada 11 haribulan Ogos tahun 1960 untuk khidmat-khidmat am dalam Angkatan Tentera

dan semua Perkhidmatan Beruniform. Kelayakan-kelayakan untuk menerima anugerah ini ditentukan dalam Peraturan-peraturan mengenainya yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Lambang anugerah ini mengandungi Pingat bulat yang diperbuat daripada perak berukuran satu tiga-perlapan inci pada



Dua pingat di atas ini ialah untuk perkhidmatan cemerlang Persekutuan. Yang di sebelah kanan ialah Pingat Kebaktian (P.K.) yang dizahirkan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji anggota-anggota Pasukan Tentera, Sukarela dan Perkhidmatan-perkhidmatan Beruniform. Yang di sebelah kiri pula ialah Pingat Khidmat Berbakti (P.K.B.) untuk khidmat-khidmat am' dalam Angkatan Tentera dan semua Perkhidmatan Beruniform.



Dua lagi pingat perkhidmatan cemerlang ialah **Pingat Perkhidmatan Am (P.P.A.)** yang di sebelah kanan dalam gambar ini, dan **Pingat Perkhidmatan Setia (P.P.S.)**. Pingat Perkhidmatan Am dizahirkan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat am anggota tetap Angkatan Tentera Persekutuan dan semua Perkhidmatan Beruniform. Pingat Perkhidmatan Setia juga untuk khidmat lama dan kelakuan terpuji di antara anggota tetap Angkatan Tentera dan semua Perkhidmatan Beruniform.

garis pusatnya. Di atas Pingat ini tertera Jata Persekutuan dan pada permukaan di sebaliknya tertera peta garisan Semenanjung Tanah Melayu dilingkungi dua pelepah daun palas. Pencengkamnya berbentuk palang berukir dan dua pelepah daun palas bersilang, dan bergantung pada pita satu tiga-perlapan inci lebar, berwarna hijau dengan jalur-jalur biru selebar tiga-perenam belas inci di kedua belah tepinya dan jalur kuning lebar seperlapan inci di tengah-tengahnya.

Pingat Perkhidmatan Am (P.P.A.) Untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat am anggota tetap Angkatan Tentera Persekutuan dan semua Perkhidmatan Beruniform, Pingat Perkhidmatan Am telah dizahirkan pada 8 haribulan Jun 1967. Kelayakan menerima anugerah ini ditentukan oleh Peraturan-peraturan mengenainya yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Lambanganya mengandungi Pingat daripada perak, berbentuk bulat dan berukuran satu tiga-perlapan inci pada garis pusatnya. Di permukaan sebelah hadapan Pingat ini tertera Jata Persekutuan. Di sebaliknya pula tertera kata-kata "Kerana Perkhidmatan Am" yang dilingkungi pelepah-pelepah daun palas. Pitanya berlatar warna merah dan berjalur kuning lebar 5/16 inci di tengah-tengah. Di kiri kanan jalur kuning ini ialah jalur-jalur hitam dan putih, tiap-tiap satu lebarnya 3/32 inci.

Pingat Perkhidmatan Setia (P.P.S.) Satu lagi pingat untuk khidmat lama dan kelakuan terpuji di antara anggota tetap Angkatan Tentera dan semua Perkhidmatan Beruniform ialah Pingat Perkhidmatan Setia, yang dizahirkan pada 29 haribulan Julai dan diwartakan pada 11 haribulan Ogos tahun

1960. Kelayakan untuk menerima anugerah ini juga ditentukan oleh Peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Anugerah ini dilambangkan oleh sebuah pingat gangsa berbentuk bulat dan berukuran satu tiga-perlapan inci pada garis pusatnya. Pada permukaan depan Pingat ini tertera dua bilah lembing bersilang, dua pelepah daun palas dan Mahkota di-Raja Malaysia. Pada permukaan sebaliknya tertera pula kata-kata "Perkhidmatan Setia". Pingat ini tersangkut pada pita satu tiga-perlapan inci lebarnya, mengandungi dua jalur merah, tiap-tiap satu berukuran tiga-perlapan inci lebarnya bertepikan dua jalur putih tiap-tiap satu lebarnya seperenam belas inci. Di tengah-tengah pita pula terdapat jalur kuning lebarnya lima-perenam belas inci yang diapit oleh dua jalur biru, tiap-tiap satu lebarnya 3/32 inci.

**Kepujian
Perutusan
Keberanian
(K.P.K.)**

Ada kalanya di dalam Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Persekutuan terdapat orang-orang yang telah menunjukkan atau melakukan sesuatu yang dianggap gagah dan berani dan patut diiktiraf, akan tetapi mutu perlakuan mereka itu tidaklah sebegini tinggi untuk membolehkan mereka dikurniakan Pingat. Oleh yang demikian pada 29 haribulan Julai 1960 dizahirkan lambang Kepujian Perutusan Keberanian yang diwartakan pada 11 haribulan Ogos pada tahun yang sama. Anugerah ini boleh dikurniakan kepada yang sudah meninggal dunia.

Lambang anugerah ini berbentuk sepelepah Daun Palas yang diperbuat daripada gangsa yang disematkan atas pita Pingat Khidmat Berbakti atau Pingat Peperangan bagi kempen yang kerananya anugerah itu dikurniakan. Sekiranya penerima belum



Kepujian Perutusan Keberanian (K.P.K.) ini ialah untuk dikurniakan kepada orang-orang dalam Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Persekutuan yang telah menunjukkan atau melakukan sesuatu yang dianggap gagah dan berani dan patut diiktiraf, akan tetapi mutu perlakuan mereka itu tidaklah sebegitu tinggi untuk membolehkan mereka dikurniakan pingat.

pernah menerima sebarang kurniaan Pingat, maka lambang Kepujian Perutusan Keberanian ini disematkan sahaja atas secebis kain yang warnanya sama dengan uniform yang dipakai pada ketika itu. Seseorang boleh menerima seberapa banyak anugerah ini, dan tiap-tiap satu ditandakan dengan satu lambang.

**Pingat
Peringatan
Malaysia**

Pingat Peringatan Malaysia ini khusus di-zahirkan dan dikurniakan kepada orang-orang yang telah banyak memberikan khidmat cemerlang dalam usaha menubuhkan Persekutuan Malaysia hingga 31 Ogos, 1965. Pingat ini mempunyai tiga peringkat yang dilambangkan oleh pingat-pingat emas, perak dan gangsa.



Pingat Peringatan Malaysia ini telah dizahirkan dalam tiga peringkat, iaitu emas, perak dan gangsa. Pingat ini khusus untuk mereka yang telah banyak memberikan khidmat cemerlang dalam usaha menubuhkan Persekutuan Malaysia hingga 31 Ogos, 1965.

Pakaian-Pakaian Rasmi dan Cara Memakai Anugerah

Mengikut peraturan semua lambang bagi Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang Kehormatan dan Pingat-pingat Persekutuan hendaklah dipakai dengan pakaian rasmi. Pakaian-pakaian rasmi termasuklah:

1. Pakaian Kebangsaan Rasmi yang lengkap, iaitu baju Melayu berleher cekak musang, berseluar, bersamping, berbengkung dan bertengkolok, serta berkeris. (Pada waktu siang sebarang warna baju boleh dipakai. Warna hitam hendaklah dipakai pada waktu malam; Keris tidak dipakai pada waktu malam);
2. Pakaian Rasmi Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri;
3. Pakaian-pakaian Rasmi Darjah Kebesaran untuk D.M.N., S.M.N., S.S.M., P.M.N., P.S.M. dan P.S.D.;
4. Pakaian Seragam Angkatan Tentera dan Polis di-Raja;
5. Pakaian Seragam Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan; dan
6. "Mess Kit" untuk Majlis Rasmi Malam.

KALUNG bagi sesuatu Darjah Kebesaran hanya boleh dipakai pada hari-hari yang dinamakan "Hari Kalung" iaitu:

1. Hari Istiadat Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran dan Bintang-bintang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri;
2. Hari Istiadat Pembukaan Persidangan Parlimen atau Majlis Dewan Undangan Negeri;
3. Hari Istiadat Mengadap yang ditentukan oleh Jabatan Perdana Menteri;
4. Hari Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan jua Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Hari Istiadat Perlantikan Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

Apabila memakai Kalung bagi sesuatu Darjah Kebesaran, Selempang Darjah Kebesaran itu tidak boleh dipakai bersama, tetapi Selempang bagi Darjah Kebesaran yang lain boleh dipakai jika seseorang itu ada mempunyai Darjah Kebesaran yang lain. Jika seseorang itu telah dikurniakan lebih dari satu pengurniaan yang mengandungi Kalung, hanya satu Kalung sahaja boleh dipakai pada satu-satu masa.

Kalung hendaklah dipakai terletak di atas kedua bahu tergantung sama tinggi di atas dada dan di sebelah belakang dengan Lencana Darjah tergantung di tengah-tengah dada. Jika memakai pakaian seragam, Kalung itu hendaklah disusupkan di bawah epolet.

BINTANG bagi sesuatu Darjah Kebesaran hendaklah disematkan di sebelah kiri dada lebih kurang di atas rusuk. Tidak



Cara memakai Kalung Darjah iaitu bersama dengan Bintang tetapi tidak memakai Selempang Darjah. Apabila memakainya dengan pakaian seragam, Kalung itu hendaklah disusupkan di bawah epolet. Kalung mestilah terletak di bahu dan tergantung sama tinggi di bahagian sebelah dada dengan bahagian sebelah belakang.



Cara memakai Kalung bersama-sama dengan Selepang. Kalung yang dipakai ialah Kalung Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) serta Bintangnya. Selepang yang dipakai bersama itu ialah Selepang Darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) dari Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia berserta dengan Bintangnya sekali.



Cara memakai Kalung bersama Selempang dan dua Bintang. Kalung yang dipakai ialah Darjah S.S.M. manakala Selempang ialah dari Darjah P.M.N. Bintang-bintang yang dipakai ialah Bintang S.S.M. dan P.M.N. Tidaklah betul sekiranya Kalung S.S.M. dipakai bersama Selempang dan Bintang P.S.M., misalnya, kerana keduanya dari Darjah yang sama iaitu Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia. Akan tetapi Kalung dan Bintang S.S.M. boleh dipakai bersama dengan Selempang dan Bintang P.S.D. dari Darjah Yang Amat Di-hormati Setia di-Raja.



Cara memakai Kalung Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) bersama Bintangnya, dalam pakaian seragam. Perhatikan Lencana Kalung tergantung pada paras dada dan tidak ke bawah kerana Kalung diletakkan sama tinggi di hadapan dan di belakang.



Cara memakai Kalung bersama-sama tiga Bintang Kebesaran. Kalung yang dipakai dalam gambar ini ialah Kalung S.S.M. dan Bintang-bintang kebesaran yang dipakai ialah Darjah-darjah S.S.M., P.M.N. dan P.S.D..



Cara memakai Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) yang mengandungi Bintang, Selepang dan Lencana. Untuk Darjah Kebesaran ini Selepang hendaklah dari bahu kiri membawa ke pinggang kanan dan tersusup di bawah bengkung apabila dipakai dengan Pakaian Kebangsaan Rasmi. Pada waktu malam keris tidak dipakai dan pingat-pingat ialah daripada bentuk Anak Bintang (miniature).



Apabila Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) dipakai dengan "Mess Kit" iaitu pakaian majlis rasmi malam, Selepang hendaklah tersangkut di bawah ketiak kiri dan dibawa ke pinggang kanan, tetapi di atas bengkung. Pingat-pingat ialah daripada bentuk Anak Bintang (miniature).

lebih daripada tiga buah Bintang boleh dipakai pada satu-satu masa.

Apabila satu Bintang sahaja dipakai, ia disematkan di tengah-tengah saku atas baju dengan penjuru Bintang itu yang paling atas sekali terletak kira-kira suku inci dari mulut saku, atau di tempat yang lebih kurang seperti itu bagi baju yang tiada mempunyai saku atas. Apabila dua Bintang digunakan, Bintang yang kedua itu diletakkan di bawah Bintang pertama tadi.

Apabila tiga Bintang dipakai, Bintang yang kedua dan ketiga itu hendaklah disematkan sama bahagi di bawah Bintang yang pertama hingga menjadi bentuk tiga segi iaitu dengan Bintang terkanan sekali di atas dan yang kedua kanan di bawah sebelah kanan iaitu lebih hampir dengan tengah dada. Sekiranya cara ini mengganggu pemakaian Selejang, Bintang pertama dan kedua bolehlah diletakkan sebaris dengan Bintang yang terkanan lebih hampir dengan tengah dada, manakala Bintang yang ketiga diletakkan di sebelah bawah.

SELEPANG bagi Darjah Kerabat di-Raja Malaysia (D.K.M.) dan Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) hendaklah disangkut pada bahu kiri dan diselempangkan ke pinggang kanan. Lencana Darjah tersangkut pada bawah ikatan reben di hujung Selejang, dengan lencananya terletak tepat pada jalur seluar. Selejang bagi lain-lain Darjah Kebesaran tersangkut pada bahu kanan dan diselempangkan membawa ke pinggang kiri.

Apabila digunakan dengan pakaian seragam, Selejang itu hendaklah disusupkan di bawah epolet. Apabila dipakai dengan Pakaian Kebangsaan Rasmi, Selejang hendaklah dipakai tersusup di bawah bengkung.



Pemakaian satu Bintang dan satu Lencana Leher. Bintang yang dipakai dalam gambar ini ialah Darjah Panglima Setia Di Raja (P.S.D.) yang membawa gelaran "Datuk", dan Lencana Leher ialah Johan Setia Mahkota (J.S.M.).



Pemakaian dua Bintang dan satu Lencana Leher dengan "Mess Kit" (pakaian majlis rasmi malam). Selempang yang dipakai dalam gambar ini ialah dari Darjah S.S.M. Dua Bintang kebesaran itu ialah Bintang-bintang S.S.M. dan P.M.N., manakala Lencana Leher itu ialah J.S.D.



Cara memakai tiga Bintang dengan pakaian seragam. Selepang yang dipakai dalam gambar ini ialah Selepang S.S.M. dan Bintang-bintang ialah dari Darjah-darjah S.S.M., P.M.N. dan P.S.D.




Darjah kebesaran Panglima Mangku Negara (P.M.N.) dan Lencana Leher Johan Setia di-Raja (J.S.D.) dipakai dengan pakaian kebangsaan rasmi pada waktu malam. Pingat-pingat ialah daripada bentuk Anak Bintang (miniature).



Darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) bersama Johan Mangku Negara (J.M.N.) dipakai dalam pakaian majlis rasmi malam (Mess Kit).



Pemakaian satu Darjah Kebesaran dengan pakaian seragam untuk pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Darjah kebesaran yang dipakai ini ialah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran "Tan Sri".



Epolet (hiasan bahu) dan Georget (hiasan leher) untuk pakaian seragam Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Apabila memakai Epolet hendaklah diperhatikan supaya lipatan daun letaknya di sebelah atas seperti dalam gambar.

Apabila Selepang Darjah Kerabat di-Raja Malaysia (D.K.M.) atau Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) dipakai dengan pakaian rasmi waktu malam, Selepang hendaklah dipakai dari bawah ketiak kiri berselepong ke pinggang kanan di bawah "Mess Kit" tetapi di atas bengkung. Selepang bagi lain-lain Darjah Kebesaran dipakai di bawah "Mess Kit" bersangkut di bahu kanan dan diselepongkan ke pinggang kiri. Lencana Darjah digantung di bawah ikatan reben di hujung Selepang di paras pinggang.

LENCANA LEHER (seperti J.M.N., J.S.M. dan J.S.D.) dipakai tergantung pada pita pendek lebih kurang seinci dari kaki leher apabila dipakai dengan Pakaian Kebangsaan Rasmi atau Pakaian Seragam. Jika dipakai dengan pakaian majlis rasmi malam atau "Mess Kit" Lencana itu hendaklah tergantung pada pita di bawah "bow tie". Hanya tiga Lencana leher boleh dipakai pada satu-satu masa dengan yang terkanan sekali digantung di sebelah atas.

BINTANG-BINTANG KEHORMATAN DAN PINGAT-PINGAT hendaklah dipakai di atas dada sebelah kiri tergantung pada pitanya, dan jika lebih dari satu hendaklah disusun teratur dengan lurus dan yang terkanan sekali lebih hampir dengan tengah dada. Semua Bintang Kehormatan dan Pingat hendaklah dipakai dengan permukaan sebelah hadapannya menghadap keluar.

Jika pita-pita Bintang atau Pingat itu disusun bergantung pada satu palang panjang, hendaklah ia dibuat bertindih antara satu dengan lain hingga tiada renggang barang sedikit pun. Palang panjang itu pula hendaklah tidak lebih dari 6 inci dan disematkan sama tengah supayauduknya kaki Bintang-bintang Kehormatan dan Pingat-pingat itu betul di atas butang baju atau di tempat yang lebihkurang sama bagi baju yang tiada berbutang seperti baju Melayu. Apabila Bintang-bintang atau Pingat-pingat yang



Cara memakai lebih daripada satu Lencana Leher pada satu-satu masa. Gambar ini menunjukkan pemakaian tiga Lencana Leher, iaitu jumlah maksima yang boleh dipakai pada satu-satu masa, mengikut susunan keutamaannya – Johan Mangku Negara (J.M.N.), Johan Setia Mahkota (J.S.M.) dan Johan Setia Di Raja (J.S.D.).



Bintang-bintang dan Pingat-pingat Anugerah Persekutuan hendaklah daripada bentuk Anak Bintang (miniature) apabila dipakai dengan "Mess Kit" (pakaian majlis rasmi malam).

tersangkut pada satu palang panjang itu terlalu banyak, hendaklah ia disusun bertindih kasih dengan permukaan bintang atau pingat yang terkanan sekali kelihatan jelas.

Apabila dipakai bersama-sama Bintang Darjah Kebesaran, Bintang-bintang Kehormatan dan Pingat-pingat hendaklah diletak pada sebelah atas Bintang Darjah Kebesaran itu.

Bintang-bintang Kehormatan dan Pingat-pingat ukuran biasa hendaklah digunakan pada waktu siang. Apabila dipakai pada waktu malam Anak-anak Bintang (miniatures) hendaklah digunakan.

Bagi panduan dan ingatan, apabila seseorang telah dikurniakan dua Darjah Kebesaran atau Bintang Kehormatan Persekutuan yang sama jenisnya maka hendaklah ia memakai satu sahaja, iaitu yang terkanan sekali. Akan tetapi ia boleh memakai kedua-dua anugerah sekiranya tidak daripada jenis yang sama. Misalnya orang yang pernah dikurniakan PMN tidaklah payah lagi memakainya apabila ia dikurniakan SMN kerana kedua-duanya dari jenis yang sama iaitu Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. Akan tetapi ia boleh menggunakan PMN itu sekiranya ia dikurniakan SSM kerana Darjah Kebesaran yang terakhir ini ialah daripada jenis yang lain iaitu Darjah Yang Mulia Seri Mahkota Malaysia. Demikianlah juga apabila penyandang AMN menerima kurnia JMN, tidaklah payah dipakai lagi AMN itu. Katakanlah selama hidupnya Encik "X" telah dikurniakan PPN, KMN, JSM dan PMN dan dari Negeri beliau telah pernah pula dikurniakan Ahli Mahkota Perak (AMP) kemudian Setia Mahkota Pahang (SMP), dan sesudah itu Paduka Mahkota Perak (PMP) yang lebih kanan dari AMP. Susunan pemakaiannya memadailah PMN, JSM, SMP, PMP.

Memakai Anugerah Persekutuan Berserta Dengan Anugerah Negeri

Dari semasa ke semasa pada peringkat Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri ada mengeluarkan panduan mengenai susunan keutamaan bagi Anugerah Persekutuan apabila dipakai berserta dengan Anugerah Negeri. Sebagai satu peraturan, di dalam satu-satu kelas yang sama, Anugerah Persekutuan hendaklah diberi keutamaan dengan diikuti Anugerah-anugerah Negeri dalam kelas berkenaan mengikut tarikh pengurniaannya.

Sebagai satu contoh, katakanlah Encik "X" telah dikurniakan dengan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN). Kemudian pada tahun yang berikut pula beliau menerima Setia Paduka Mahkota Selangor (SPMS), dan dua tahun kemudian beliau dikurniakan pula Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ). Sungguhpun mengikut tarikh dizahirkan, keutamaan SPMJ (1886) itu lebih tinggi dari SPMS (1961), tetapi oleh kerana SPMS dikurniakan terlebih dahulu maka susunan memakai ketiga-tiganya hendaklah PMN, SPMS, SPMJ. Namun begitu, apabila menghadiri majlis rasmi Kerajaan Negeri di Johor beliau boleh memberi keutamaan kepada Darjah Kebesaran Johor itu, iaitu sebagai menghormati tuan rumah. Susunannya ialah PMN, SPMJ, SPMS (Kedudukan Darjah Kebesaran Persekutuan tidak berubah). Akan tetapi sekiranya Encik "X" pernah juga lebih dahulu menerima Johan Setia Mahkota (JSM) dari Persekutuan, susunan pemakaiannya hendaklah PMN, SPMS, SPMJ, JSM, kerana sungguhpun JSM itu anugerah Persekutuan kelasnya lebih rendah dari yang lain.

Satu contoh lagi, katakanlah Encik "X" sewaktu bertugas di Sarawak pernah dikurniakan Johan Bintang Sarawak (JBS). Kemudian beliau menerima pula dari Pulau Pinang Darjah Johan

Negeri (DJN). Selepas itu beliau menerima pula kurniaan Persekutuan Ahli Mangku Negara (AMN) dan akhir sekali baharu-baharu ini beliau menerima Johan Setia Mahkota (JSM). Mengikut tarikh dizahirkan Bintang Kehormatan Pulau Pinang (1.1.69) mempunyai kedudukan lebih kanan dari Sarawak (4.5.70). Di antara dua anugerah Persekutuan itu JSM lebih tinggi kelasnya dari AMN sungguhpun AMN zahir lebih dahulu. Kelas AMN juga lebih rendah dari kelas DJN dan JBS. Oleh yang demikian susunan pemakaiannya hendaklah JSM, DJN, JBS, AMN.

Pada sebaliknya, dalam sesuatu majlis rasmi Negeri yang diadakan atas jemputan Kerajaan Negeri yang meminta pemakaian bintang-bintang, sebagai menghormati tuan rumah Anugerah Negeri hendaklah dipakai lebih kanan kedudukannya dari Anugerah Persekutuan. Peraturan ini tidak melibatkan susunan keutamaan Bintang-bintang Kehormatan dan Pingat-pingat yang lain.

Memakai Bintang Kehormatan Anugerah Negera-negara Luar

Bintang-bintang Kehormatan Negara asing hanya boleh dipakai setelah diperkenankan lebih dahulu oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun apabila menghadiri majlis atau jamuan yang diadakan oleh Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi Negara-negara Komanwel yang ditauliahkan ke Malaysia atau oleh Ketua-ketua Negara Asing yang ada meminta pemakaian Bintang-bintang, Bintang Kehormatan Negara Asing yang berkenaan itu sahaja boleh dipakai dengan tidak memakai Bintang Kehormatan Malaysia. Sekiranya dipakai kedua-dua jenis anugerah, Bintang-bintang Malaysia patutlah diberi keutamaan. Akan tetapi sekiranya hadir

di Majlis Rasmi di Negara Asing, Bintang Negara Asing yang berkenaan hendaklah diberi keutamaan.

Cawangan Istiadat,
Jabatan Perdana Menteri.

6hb. Jun, 1979